

02 MAY 1997

Panah

23 NEGARA DIUNDANG MENYERTAI KEJOHANAN MEMANAH ASIA DI LANGKAWI

LANGKAWI, 2 Mei (Bernama) -- Sebanyak 23 negara diundang menyertai Kejohanan Memanah Asia ke 10 di Kompleks Sukan Langkawi mulai 18 hingga 25 November depan.

Presiden Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM), Datuk Abdul Halil Mutalib berkata di sini, hari ini, juara bertahan, Korea antara yang diundang menyertai kejohanan itu.

Semua negara yang dijemput memberi jawapan positif untuk mengambil bahagian pada kejohanan itu, katanya.

Beliau berkata, pemilihan Langkawi sebagai gelanggang kejohanan itu selaras dengan usaha menjadikan pulau peranginan itu sebagai pusat sukan antarabangsa.

Selain itu, kerja-kerja untuk menyiapkan kemudahan memanah sedang pesat dijalankan di kompleks itu.

Abdul Halil berkata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan kejohanan itu.

Mengenai pemilihan skuad negara ke sukan SEA, Halil berkata, NAAM telah menetapkan empat sirkit kebangsaan sebagai asas pemilihan pemanah berkaliber bagi mewakili negara.

Dua lagi sirkit iaitu kejohanan memanah Angkatan Tentera pada bulan depan dan kejohanan kebangsaan dijadualkan Julai ini sebagai pemilihan terakhir. Sebelum ini dua sirkit telah diadakan di Shah Alam dan kejohanan memanah Universiti Utara Malaysia (UUM) awal bulan lepas.

Seramai enam pemanah termasuk tiga wanita akan disenaraikan dalam pemilihan terakhir untuk membawa cabaran negara ke sukan SEA, katanya.

Beliau yakin pasukan wanita mempunyai prestasi terbaik untuk memenangi pingat pada sukan itu. -- BERNAMA

ZI NH PR